



GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI MESRA-MUSLIM

(Muslim-friendly Tourism and Hospitality
Assurance and Recognition – MFAR)

Garis Panduan bagi Penarafan Premis Penginapan Pelancong
- Keperluan
MFAR 0001:2024

Semakan : 02

Tarikh kuatkuasa : 01 Jun 2024

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI MESRA-MUSLIM (MFAR) – PENARAFAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG

Isi Kandungan

1. Terma dan definisi
2. Penarafan MFAR
3. Syarat utama permohonan
4. Permohonan yang tidak layak
5. Syarat am MFAR
6. Kriteria penarafan MFAR
7. Proses permohonan
8. Audit
9. Panel pengesahan pengiktirafan
10. Sijil pengiktirafan
11. Logo pengiktirafan

1. TERMA DAN DEFINISI

Premis penginapan pelancong

Mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat, rumah pemalaman dan struktur lain sama ada kekal atau sementara, yang dikemukakan oleh tuan punya, pemunya atau pengurusnya, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, sebagai menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada pelancong untuk disewa atau dengan balasan apa-apa bentuk ganjaran yang lain, sama ada makanan atau minuman juga disediakan atau tidak.

(Seksyen 2, Akta Industri Pelancongan 1992)[Akta 482]

Al-quran

Kitab suci Islam yang mengandungi firman Allah S.W.T. yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) melalui perantaraan Jibrail a.s dalam bahasa Arab dan menjadi sumber rujukan utama hukum Islam.

[MS 2393: 2013, definisi 2.9]

Halal

Perkara-perkara yang dibolehkan dan dibenarkan dalam Islam berdasarkan Hukum Syarak dan fatwa serta undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

[Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) - Domestik 2020]

Iftar

Hidangan yang dimakan oleh umat Islam pada waktu maghrib untuk berbuka puasa.

[MS 2610:2015, definisi 3.5]

Kemudahan ("Amenities")

Sesuatu perkara atau perkhidmatan yang disediakan untuk kemudahan, keseronokan atau keselesaan orang ramai.

[Kamus Dewan Edisi Keempat, (n.d.). Dewan Bahasa dan Pustaka]

Kemudahan berwuduk

Kawasan yang sesuai atau khusus untuk lelaki dan perempuan untuk berwuduk.

[MS 2610:2015, definisi 3.20]

Kemudahan rekreasi

Kemudahan awam dan swasta yang disediakan untuk aktiviti rekreasi.

[MS 2610:2015, definisi 3.13]

MFAR (“Muslim-friendly tourism and hospitality assurance and recognition”)

Pengiktirafan produk dan perkhidmatan pelancongan dan hospitaliti mesra-Muslim yang dikeluarkan oleh Islamic Tourism Center (ITC).

MFTH (“Muslim-friendly tourism and hospitality”) – Pelancongan dan hospitaliti mesra-Muslim

Produk atau perkhidmatan dalam industri pelancongan dan hospitaliti berpandukan keperluan Syariah yang memenuhi atau menyediakan kemudahan yang sesuai untuk pelancong Muslim terutamanya.

Najis

Benda kotor seperti darah, air kencing dan tahi. Dari segi Syarak pula, ia bermaksud segala kekotoran yang menghalang sahnya solat. Najis juga diuraikan sebagai bahan cemar yang menggugat kesihatan diri manusia dan alam sekitar.

[Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) - Domestik 2020]

Najis Mughallazah (berat)

Contoh adalah seperti anjing, babi termasuk sebarang cecair dan objek yang keluar dari rongga, keturunan dan sebarang jenis terbitan atau derivatif daripada keduanya.

[Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) - Domestik 2020]

Pihak berkuasa berwibawa

Pihak berkuasa yang kompeten ialah agensi yang diamanahkan oleh kerajaan untuk melaksanakan kerja mengikut keperluan yang ditetapkan.

CATATAN. Di Malaysia, terdapat pelbagai pihak berkuasa berwibawa yang bertanggungjawab dalam bidang masing-masing seperti hal ehwal Islam, pensijilan halal, kesihatan haiwan, kesihatan awam, keselamatan makanan dan lain-lain.

[MS 1500:2019, definisi 3.1]

Pihak berkuasa berwibawa Halal

Pihak berkuasa JAKIM, MAIN atau JAIN atau mana satu yang berkenaan untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] melalui Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.
[*Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) - Domestik 2020*]

Ramadan

Bulan mulia dalam kalendar Hijriah apabila umat Islam melaksanakan amalan wajib berpuasa dari fajar hingga maghrib.
[*MS 2610:2015, definisi 3.3.1*]

Rekreasi

Aktiviti sosial, budaya, sukan dan lain-lain yang berkaitan yang dilakukan pada masa lapang.
[*MS 2610:2015, definisi 3.12*]

Sejadah

Tikar yang biasa digunakan oleh umat Islam untuk menunaikan solat.
[*MS 2610:2015, definisi 3.11*]

Sertu

Aktiviti menyucikan anggota badan, pakaian, tempat, perkakasan dan peralatan yang bersentuhan dengan *naj's mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya dengan membasuhnya sebanyak tujuh (7) kali, salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Basuhan air yang pertama hendaklah dicampur dengan tanah kemudian diikuti dengan enam (6) kali basuhan menggunakan air mutlak atau bersih yang lain.
[*MS 1500:2019, definisi 3.9*]

Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM)

Dokumen rasmi pengesahan status halal berdasarkan Skim Pensijilan Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa halal kepada pemohon SPHM.
[*Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) - Domestik 2020*]

Solat

Ibadah ritual dalam Islam, sebagai salah satu daripada lima rukun Islam, wajib dilakukan oleh seorang Muslim lima kali sehari.

[MS 2610:2015, definisi 3.15]

Sustainable Development Goals (SDGs) - Pembangunan Kemampanan Global

Lebih dikenali sebagai Matlamat Global, telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBBB) pada 2015 sebagai seruan universal yang bertindak untuk menamatkan kemiskinan, melindungi planet ini, dan memastikan bahawa menjelang 2030 semua orang menikmati keamanan dan kemakmuran.

Tarawih

Solat sunat yang dilakukan oleh umat Islam selepas Isyak pada bulan Ramadan.

Wuduk

Upacara atau perbuatan membasuh atau menyapu bahagian tertentu badan dengan air supaya suci dan bersih untuk menunaikan solat.

[MS 2610:2015, definisi 3.19]

2. PENARAFAN MFAR

Terdapat tiga (3) tahap penarafan MFAR; iaitu Perak (“Silver”), Emas (“Gold”) dan Platinum.

- 2.1 Penarafan Perak – Premis penginapan pelancong yang mematuhi keperluan am MFAR dan memenuhi keperluan mesra-Muslim yang minimum.
- 2.2 Penarafan Emas – Premis penginapan pelancong yang mematuhi keperluan am MFAR dan melebihi keperluan mesra-Muslim yang minimum.
- 2.3 Penarafan Platinum – Premis penginapan pelancong yang mematuhi keperluan am MFAR dan mencapai keperluan mesra-Muslim yang tertinggi.

3. SYARAT UTAMA PERMOHONAN

Setiap permohonan hendaklah mengikut syarat-syarat berikut:

- 3.1 Premis penginapan pelancong hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

NOTA: Sila rujuk "Garis Panduan Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong" terkini.

- 3.2 Premis penginapan pelancong hendaklah mendapat penggredan daripada MOTAC di bawah kategori:

- i. Hotel Bandar;
- ii. Hotel Resort;
- iii. Hotel Tanah Tinggi;
- iv. Hotel Butik; atau
- v. Hotel Inovatif.

NOTA: Sila rujuk "Garis Panduan Penggredan Premis Penginapan Pelancong Kategori Hotel Bandar, Resort, Tanah Tinggi, Butik dan Inovatif" terkini.

- 3.3 Premis penginapan pelancong hendaklah mempunyai Lesen Perniagaan Premis Penginapan Pelancong yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

- 3.4 Premis penginapan pelancong hendaklah berdaftar sebagai ahli mana-mana persatuan yang diiktiraf oleh MOTAC.

- 3.5 Premis penginapan pelancong hendaklah mempunyai atau menyediakan pilihan makanan dan minuman halal seperti yang berikut:

- i. Dapur hotel atau restoran di dalam premis hotel mempunyai SPHM yang sah dan dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa halal;

NOTA: Terpakai bagi premis penginapan pelancong yang mempunyai dapur hotel sahaja.

- ii. Makanan dan minuman yang disediakan oleh premis makanan yang mempunyai SPHM yang sah dan dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa halal; atau

NOTA: Terpakai bagi premis penginapan pelancong yang tidak mempunyai dapur hotel dan/ atau restoran di dalam premis penginapan pelancong.

- iii. Senarai premis makanan yang mempunyai SPHM yang sah dan dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa halal.

NOTA: Terpakai bagi premis penginapan pelancong yang tidak mempunyai dapur hotel dan/ atau restoran di dalam premis penginapan pelancong.

- 3.6 Premis penginapan pelancong hendaklah melantik sekurang-kurangnya satu (1) pekerja Islam yang berstatus tetap sebagai wakil MFAR. Wakil MFAR hendaklah berkelayakan dan boleh memantau pelaksanaan MFAR serta melaporkan keberkesanan pelaksanaan MFAR kepada pihak pengurusan

- i. Wakil MFAR hendaklah menghadiri latihan kompetensi mesra Muslim yang disediakan oleh ITC atau mana-mana penyedia latihan yang berdaftar dengan ITC serta lulus penilaian.

- 3.7 Premis penginapan pelancong hendaklah mematuhi semua keperluan yang ditetapkan dalam versi terkini Garis Panduan Pengiktirafan Pelancongan dan Hospitaliti Mesra Muslim yang dikeluarkan oleh Islamic Tourism Centre (ITC).

4. PERMOHONAN YANG TIDAK LAYAK

- 4.1 Premis penginapan pelancong yang tidak berdaftar dengan MOTAC.
NOTA (1): Sila rujuk "Garis Panduan Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong" terkini.
- 4.2 Premis penginapan pelancong yang tidak mempunyai penggredan daripada MOTAC.
- 4.3 Premis penginapan pelancong yang tidak berdaftar sebagai ahli mana-mana persatuan yang diiktiraf oleh MOTAC.
- 4.4 Premis penginapan pelancong yang tidak mempunyai SPHM yang sah bagi dapur hotel atau restoran di kawasan premis.
- 4.5 Premis penginapan pelancong tidak mempunyai wakil MFAR yang berkeelayakan.

5. SYARAT AM MFAR

5.1 Pihak pengurusan premis penginapan pelancong hendaklah:

- a. Menyediakan prosedur sertu berpandukan kepada Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
 - i. Melakukan *sertu* ke atas kawasan, peralatan dan perkakasan sekiranya berlaku pencemaran dengan *najis mughallazah*.
- b. Memberi pelepasan waktu dan kebenaran untuk solat fardhu termasuk solat Jumaat kepada pekerja Muslim dan aktiviti keagamaan lain yang berkaitan serta menyediakan kemudahan untuk menunaikan solat.
- c. Menyediakan surau yang berasingan bagi lelaki dan perempuan Muslim dan lengkap dengan kemudahan tempat mengambil wuduk, serta:
 - i. Boleh memuatkan sekurang-kurangnya dua (2) orang; dan
 - ii. Mempunyai tanda arah kiblat yang jelas serta diperakui oleh pihak berkuasa agama tempatan yang berwajib.

NOTA: Terpakai bagi premis penginapan pelancong bertaraf 2 bintang dan ke atas sahaja dan mana-mana premis penginapan pelancong yang tidak memenuhi Klausula 5.2 e. di dalam Garis Panduan ini.

- d. Menyediakan tandas awam yang berasingan bagi lelaki dan perempuan yang hendaklah dilengkapi dengan kemudahan pancuran bidet atau hos air atau lain-lain peralatan yang diperlukan bagi tujuan pembersihan serta sentiasa di dalam keadaan bersih.
- e. Menyediakan bilik mandi dan tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan untuk kegunaan penginap/ pelancong dan dilengkapi dengan kemudahan pancuran bidet atau hos air atau lain-lain peralatan yang diperlukan bagi tujuan pembersihan dan kemudahan berwuduk.

NOTA: Hanya terpakai bagi premis penginapan pelancong yang tidak menyediakan bilik mandi dan tandas di dalam bilik penginapan pelancong.

- f. Menyediakan produk penjagaan dan dandanan diri di tandas dan/atau bilik mandi awam yang disahkan halal atau berasaskan tumbuhan.

5.2 Pihak pengurusan premis penginapan pelancong hendaklah memastikan bilik penginapan pelancong:

- a. Tidak disediakan sebarang minuman beralkohol di dalam peti sejuk mini atau mana-mana tempat di dalam bilik penginapan pelancong.

NOTA: Pihak pengurusan premis penginapan pelancong hendaklah mengeluarkan sebarang minuman beralkohol dari peti sejuk mini atau mana-mana tempat di dalam bilik penginapan pelancong, sekiranya diminta oleh penginap/pelancong.

- b. Disediakan tanda arah kiblat yang jelas serta diperakui oleh pihak berkuasa agama tempatan yang berwibawa.

- c. Disediakan sejadah dan informasi waktu solat, sekiranya diminta oleh penginap/ pelancong.

- d. Disediakan satu naskah terjemahan Al-Quran, sekiranya diminta oleh penginap/ pelancong.

- e. Mempunyai ruang yang mencukupi dan selesa untuk menunaikan solat di dalam bilik penginapan pelancong.

NOTA (1): Jika ruang tidak mencukupi, kemudahan surau hendaklah disediakan di dalam kawasan premis penginapan pelancong. Rujuk Klausula 5.1e.

NOTA (2): Bagi premis penginapan pelancong yang tidak mempunyai ruang awam untuk solat, hendaklah menyediakan senarai masjid atau surau di kawasan berdekatan.

- f. Mempunyai tandas yang dilengkapi dengan kemudahan pancuran bidet atau hos air atau lain-lain peralatan yang diperlukan bagi tujuan pembersihan dan berwuduk.

- g. Disediakan produk penjagaan dan dandanan diri yang disahkan halal atau berasaskan tumbuhan serta produk makanan dan minuman disahkan halal.

6. KRITERIA PENARAFAN MFAR

6.1 Perkara am

- a. Kemudahan surau haruslah dilengkapi dengan ciri-ciri dan kemudahan seperti yang berikut:
 - i. Bilangan sejadah yang mencukupi.
 - ii. Ketersediaan telekung solat bagi perempuan.
 - iii. Ketersediaan naskah Al-Quran/ terjemahan Al-Quran.
 - iv. Kemudahan berwuduk yang bersebelahan dengan surau .
 - v. Informasi waktu solat yang dipamerkan.
- b. Premis penginapan pelancong haruslah mempromosikan seni dan reka bentuk Islam serta elemen budaya yang sederhana.
- c. Premis penginapan pelancong haruslah mempunyai pemberitahuan mengenai larangan haiwan peliharaan, merokok, perkara maksiat, aktiviti tidak bermoral dan jenayah di dalam premis.
- d. Produk dan peralatan penjagaan dan dandanan diri yang disediakan di dalam tandas awam hendaklah disahkan halal.

6.2 Makanan dan minuman

- a. Premis penginapan pelancongan haruslah memastikan tiada minuman beralkohol dijual dan dihidangkan di dalam kawasan premis.

6.3 Bilik penginapan pelancong

- a. Bilik penginapan pelancong haruslah dilengkapi dengan informasi waktu solat yang terkini serta perkhidmatan pemberitahuan waktu solat.
- b. Bilik penginapan pelancong haruslah dilengkapi dengan sejadah dan naskah terjemahan Al-Quran.
- c. Bilik penginapan pelancong haruslah dilengkapi dengan informasi mesra-Muslim atau Islamik sama ada dalam bentuk digital atau fizikal.

- d. Tanda arah kiblat haruslah jelas dan boleh dikenalpasti dengan mudah di dalam bilik penginapan pelancong.
- e. Makanan dan minuman yang disediakan di dalam peti sejuk mini di dalam bilik penginapan pelancong hendaklah disahkan halal.
- f. Produk dan peralatan penjagaan dan dandanan diri yang disediakan hendaklah disahkan halal.
- g. Tandas di dalam bilik penginapan pelancong haruslah dilengkapi dengan kemudahan pancuran bidet atau hos air atau lain-lain peralatan yang diperlukan bagi tujuan pembersihan dan kemudahan berwuduk.

6.4 Kemudahan rekreasi, hiburan dan aktiviti pelancongan

- a. Kemudahan rekreasi, hiburan dan aktiviti pelancongan haruslah bersesuaian dengan mesra-Muslim serta sensitif dengan jantina pengguna dan/atau mesra keluarga.
- b. Pekerjaan yang berkaitan dengan perkhidmatan rekreasi, hiburan dan aktiviti pelancongan haruslah bersesuaian dengan mesra-Muslim serta sensitif dengan jantina pengguna.
- c. Tandas yang terletak di premis rekreasi dan hiburan haruslah dilengkapi dengan kemudahan pancuran bidet atau hos air atau lain-lain peralatan yang diperlukan bagi tujuan pembersihan.
- d. Produk dan peralatan penjagaan dan dandanan diri yang disediakan di dalam bilik rekreasi dan hiburan hendaklah disahkan halal.
- e. Premis penginapan pelancong haruslah menyediakan pakej pelancongan mesra-Muslim atau maklumat mengenai tempat tarikan pelancong mesra Muslim.

6.5 Pekerja dan kebajikan pekerja

- a. Pekerja premis penginapan pelancong haruslah mematuhi kod etika berpakaian yang sopan, sederhana atau “modest” dan profesional.

- b. Pihak pengurusan premis penginapan pelancong haruslah melatih pekerja yang berkaitan dengan latihan berkaitan mesra Muslim yang disediakan oleh ITC, atau mana-mana penyedia latihan yang berdaftar dengan ITC.
- 6.6 Aktiviti dan perkhidmatan berkaitan agama Islam dan pembangunan kemampanan global (SGD)
- a. Premis penginapan pelancong haruslah mempromosikan aktiviti-aktiviti keagamaan Islam serta perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan seperti penyediaan maklumat mengenai masjid berdekatan, solat Tarawih di bulan Ramadan, bufet Ramadan/ iftar dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.
 - b. Premis penginapan pelancong haruslah melaksanakan mana-mana aktiviti yang berkaitan SDG.

7. PROSES PERMOHONAN

7.1 Fi pengiktirafan

- a. Bagi premis penginapan pelancong di dalam negara, pemohon hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh hingga Lima Ratus (RM150.00 - RM500.00)** sahaja untuk setahun tidak termasuk bayaran perjalanan pegawai audit.
- b. Kadar fi pengiktirafan adalah seperti berikut:

No.	Taraf bintang Hotel	Fi (RM)
1	Hotel bertaraf 4 bintang dan keatas	500.00
2	Hotel bertaraf 3 – 2 bintang	300.00
3	Hotel bertaraf 1 bintang dan hotel bajet	150.00

7.2 Permohonan baru

- a. Premis penginapan pelancong hendaklah mematuhi semua syarat, keperluan serta kriteria penarafan di dalam garis panduan ini.
- b. Setiap permohonan hendaklah dilakukan melalui atas talian yang boleh diperolehi melalui emel kepada mfar@itc.gov.my
- c. Borang permohonan baru hendaklah diisi dengan lengkap dan mematuhi keperluan berikut:
 - i. Permohonan dibuat hendaklah hanya bagi premis penginapan pelancong yang dipohon sahaja; dan
 - ii. Semua maklumat hendaklah tepat, lengkap, terperinci dan merangkumi maklumat syarikat, premis penginapan pelancong dan lain-lain yang berkaitan.

- d. Dokumen sokongan yang lengkap hendaklah diserahkan bersama-sama dengan borang permohonan baru ke ITC sama ada melalui emel atau secara fizikal.
- e. Pihak ITC berhak untuk menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap atau mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat utama dan syarat am.
- f. Pihak ITC hendaklah berurusan secara terus dengan syarikat dan/ atau pemohon tanpa melalui pihak ketiga atau orang tengah.
- g. Semua permohonan hendaklah disemak setelah semua dokumen sokongan lengkap diterima dan tempoh semakan adalah bergantung kepada piagam pelanggan ITC.
- h. Bayaran fi bagi pengiktirafan baru hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari setelah menerima notifikasi bayaran daripada pihak ITC.
- i. Audit lapangan hanya akan dijalankan setelah pihak ITC menerima bukti pembayaran fi pengiktirafan daripada pemohon.

7.3 Permohonan pembaharuan

- a. Semua permohonan pembaharuan hendaklah dilakukan melalui atas talian yang boleh diperolehi melalui emel kepada mfar@itc.gov.my
- b. Permohonan pembaharuan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh luput pengiktirafan.
- c. Mana-mana permohonan pembaharuan yang dibuat selepas tarikh luput pengiktirafan, hendaklah membuat permohonan baru bagi premis penginapan pelancong yang berkaitan. Sila rujuk kepada Klausu 7.2 Permohonan baru.
- d. Borang permohonan pembaharuan hendaklah diisi dengan lengkap dan mematuhi keperluan berikut:

- i. Permohonan dibuat hendaklah hanya bagi premis penginapan pelancong yang diperbaharui sahaja; dan
 - ii. Semua maklumat hendaklah tepat, lengkap, terperinci dan merangkumi maklumat syarikat, premis penginapan pelancong dan lain-lain yang berkaitan.
- e. Dokumen sokongan yang lengkap hendaklah diserahkan bersama-sama dengan borang permohonan pembaharuan ke ITC sama ada melalui emel atau secara fizikal.
 - f. Pihak ITC berhak untuk menolak mana-mana permohonan pembaharuan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat dan keperluan.
 - g. Pihak ITC hendaklah berurusan secara terus dengan syarikat dan/ atau pemohon tanpa melalui pihak ketiga atau orang tengah.
 - h. Semua permohonan pembaharuan hendaklah disemak setelah semua dokumen sokongan lengkap diterima dan tempoh semakan adalah bergantung kepada piagam pelanggan ITC.
 - i. Bayaran fi bagi pembaharuan pengiktirafan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari setelah menerima notifikasi bayaran daripada pihak ITC.
 - j. Audit lapangan hanya akan dijalankan setelah pihak ITC menerima bukti pembayaran fi pembaharuan pengiktirafan daripada pemohon.

8. AUDIT

8.1 Notifikasi

- a. Pihak ITC hendaklah mengeluarkan satu notifikasi dan pemberitahuan kepada syarikat dan/atau pemohon berkenaan tarikh audit lapangan yang akan dijalankan.
- b. Notifikasi dan pemberitahuan hendaklah dilaksanakan mengikut kaedah yang bersesuaian; sama ada melalui emel, surat, telefon dan lain-lain.
- c. Pihak syarikat dan/ atau pemohon tidak dibenarkan untuk meminda tarikh audit lapangan; sekiranya terdapat keperluan yang munasabah pihak syarikat dan/ atau pemohon hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada pihak ITC dengan kadar segera setelah menerima notifikasi tempoh tarikh audit lapangan.
- d. Pihak ITC hendaklah berkuasa mempertimbangkan dan memutuskan tempoh tarikh audit lapangan yang dimuktamadkan.

8.2 Audit lapangan

- a. Audit lapangan hendaklah dikendalikan oleh sekurang-kurangnya seorang (1) pegawai pemeriksa yang berkelayakan yang dilantik oleh pihak pengurusan ITC.
- b. Pihak ITC boleh melibatkan pihak ketiga seperti pihak berkuasa lain semasa pelaksanaan audit lapangan.
- c. Pegawai pemeriksa hendaklah diberi hak untuk:
 - i. Meninjau kawasan-kawan terlibat di premis penginapan pelancong;
 - ii. Menemuramah mana-mana pihak yang berkaitan;
 - iii. Mengambil gambar, salinan dokumen berkaitan bagi tujuan pembuktian; dan

- iv. Mendapatkan lain-lain maklumat berkaitan permohonan sekiranya difikirkan perlu.

- d. Pegawai pemeriksa ITC hendaklah berhak untuk menamatkan audit lapangan sekiranya syarikat dan/ atau pemohon gagal untuk memberi kerjasama atau belum bersedia untuk diaudit.

- e. Pegawai pemeriksa ITC hendaklah menyediakan laporan keseluruhan audit bagi pengesyoran syarikat dan/ atau pemohon kepada Panel Pengesahan Pengiktirafan.

9. PANEL PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN

9.1 Keahlian

- a. Panel Pengesahan Pengiktirafan hendaklah terdiri daripada ahli panel yang berikut:
 - i. Seorang (1) Pengerusi;
 - ii. Seorang (1) Setiausaha;
 - iii. Seorang (1) wakil dari Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan MOTAC;
 - iv. Seorang (1) wakil dari Bahagian Tourism Malaysia MOTAC; dan
 - v. Seorang (1) wakil dari Bahagian Hab Halal, JAKIM.
- b. Ketua Pengarah ITC atau mana-mana Ahli Lembaga Pemegang Amanah hendaklah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pengesahan Pengiktirafan MFAR dan berhak untuk melantik wakil semasa ketiadaannya.
- c. Pengarah Bahagian ITC hendaklah dilantik sebagai Setiausaha bagi Panel Pengesahan Pengiktirafan MFAR.
- d. Ahli Panel Pengesahan Pengiktirafan MFAR yang dilantik, berhak untuk melantik wakil semasa ketiadaannya. Namun begitu, wakil yang dilantik hendaklah berjawatan di gred yang sama atau satu gred dibawahnya.

9.2 Had kuasa

- a. Panel Pengesahan Pengiktirafan hendaklah berhak untuk menimbang, menilai, menyemak dan membuat keputusan ke atas laporan keseluruhan audit berdasarkan:
 - i. Tahap penarafan;
 - ii. Tidak berjaya;
 - iii. Audit semula;
 - iv. Batal; atau
 - v. Masih di dalam pertimbangan ("*Keep-in-view*" – KIV).

- b. Panel Pengesahan Pengiktirafan hendaklah bertanggungjawab untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat yang diperolehi semasa mesyuarat Panel Pengesahan Pengiktirafan melainkan ia telah diputuskan secara rasmi.

10. SIJIL PENGIKTIRAFAN

10.1 Pengeluaran

- a. Pihak ITC hendaklah berhak untuk mengeluarkan sijil pengiktirafan berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh Panel Pengesahan Pengiktirafan.
- b. Sijil pengiktirafan hendaklah dikeluarkan kepada semua syarikat dan/ atau pemohon yang berjaya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja atau tempoh yang difikirkan wajar oleh pihak ITC.
- c. Sijil pengiktirafan hendaklah dikeluarkan mengikut maklumat yang telah diberikan di dalam borang permohonan.
- d. Pihak ITC hendaklah berhak untuk menentukan format sijil yang akan dikeluarkan, sama ada di dalam format fizikal atau digital.
- e. Sijil pengiktirafan hendaklah diserahkan kepada semua syarikat dan/ atau pemohon yang berjaya sama ada melalui pos atau secara serahan tangan.

10.2 Tempoh hayat

Pihak ITC hendaklah berhak untuk menentukan tempoh hayat sijil pengiktirafan yang dikeluarkan kepada syarikat dan/ atau pemohon yang berjaya.

10.3 Polisi penggunaan

- a. Pemegang sijil pengiktirafan hendaklah bertanggungjawab bagi mana-mana penyalahgunaan atau pemalsuan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan kepada syarikat dan/ atau pemohon yang berjaya.
- b. Pihak ITC hendaklah berhak untuk menggantung atau menarik balik mana-mana sijil pengiktirafan yang dikeluarkan sekiranya didapati pemegang sijil pengiktirafan gagal untuk memenuhi keperluan yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.

- c. Sijil pengiktirafan tidak boleh dijual beli, dipinjam, ditukar milik atau ditukar ganti dengan apa cara sekalipun.
- d. Sijil pengiktirafan hendaklah dipamerkan di premis penginapan pelancong seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan.

10.4 Kehilangan dan kerosakan

- a. Sijil pengiktirafan yang hilang atau rosak hendaklah dilaporkan dan/atau serahkan kepada pihak ITC secara bertulis.
- b. Pengeluaran semula sijil pengiktirafan hendaklah dikenakan bayaran jika melibatkan kecuaiian pemegang sijil pengiktirafan.

10.5 Pembatalan

- a. Pihak ITC hendaklah berhak untuk membatalkan sijil pengiktirafan tertakluk kepada:
 - i. Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwajib yang telah tamat tempoh;
 - ii. Premis penginapan pelancongan yang sudah tidak lagi beroperasi dan berpindah ke lokasi baharu;
 - iii. Perkara munasabah lain yang diputuskan oleh pihak ITC.
- b. Sijil pengiktirafan yang telah terbatal hendaklah dikembalikan kepada pihak ITC.

11. LOGO PENGIKTIRAFAN

- 11.1 Logo pengiktirafan hendaklah dicetak dan dipamerkan mengikut ciri-ciri di bawah:



Muslim-friendly
Tourism and Hospitality
Assurance and
Recognition



11.2 Penggunaan

- a. Logo pengiktirafan hendaklah dipamerkan atau digunakan oleh pemegang sijil pengiktirafan yang sah di premis penginapan pelancongan yang dikenalpasti, kad perniagaan, laman sesawang premis, atau mana-mana platform untuk tujuan pemasaran sahaja.
- b. Logo pengiktirafan hendaklah tidak dipamerkan atau digunakan sekiranya sijil pengiktirafan telah tamat tempoh atau dibatalkan.

RUJUKAN

1. MS 2610:2015 Muslim friendly hospitality services -. Requirements
2. MS 1500:2019 Halal Food – General Requirements (Third Revision)
3. Garis Panduan Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong, MOTAC
4. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2020
5. Garis Panduan Sertu Mengikut Perspektif Islam, JAKIM 2013